

Projek RoL Fasa 1 siap 93.7%

KUALA LUMPUR 5 April - Projek River of Life (RoL) Fasa 1: Presint 7 yang meliputi kawasan sungai di sekitar Masjid Jamek Kuala Lumpur hingga Daya Bumi telah mencapai 93.7 peratus dan dijangka siap secara berperingkat-peringkat mulai 15 April ini.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor berkata, secara keseluruhannya, projek di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Greater Kuala Lumpur/Klang Valley yang bermula secara berperingkat-peringkat sejak 2011 itu telah mencatat kemajuan sebanyak 67 peratus.

Katanya, terdapat tiga komponen utama dalam melaksanakan projek tersebut iaitu pembersihan sungai, pengindahan sungai dan pembangunan tanah.



TENGGU ADNAN

“Hasrat kerajaan ialah mentransformasikan Sungai Gombak dan Sungai Klang kepada tebingan sungai yang dinamik serta berdaya huni dengan nilai ekonomi yang tinggi,” katanya ketika menjawab soalan **Datuk Dr. Tan Kee Kwong (PKR-Wangsa Maju)** mengenai status projek RoL ketika sesi soal jawab dalam sidang Dewan Rakyat, hari ini.

Dalam perkembangan yang sama, Tengku Adnan turut menjelaskan sebab pihaknya mengambil penasihat dari luar negara bagi mengendalikan projek RoL selepas mengambil contoh sungai-sungai di luar negara yang berjaya dipulihkan.

Sementara itu, Tengku Adnan turut memberitahu, kementerian bekerjasama dengan Jabatan Perparitan dan Saliran memastikan kualiti air di sungai terlibat dijaga dan ditingkatkan kepada Kelas II (B).